

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Aplikasi kesan pergerakan pesakit kuarantin di rumah

Tindakan undang-undang jika keluar melebihi radius

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pasukan Bertindak Khas Greater Klang Valley (GKV STF) akan melancarkan satu aplikasi 'geofencing' hari ini untuk memantau pergerakan pesakit COVID-19 kategori 1 dan 2 yang diarah menjalani kuarantin di rumah.

Mereka yang positif COVID-19 serta menjalani kuarantin di rumah akan diwajibkan memuat naik aplikasi berkenaan di telefon bimbit dan keberadaan mereka sepanjang tempoh itu akan

dipantau pihak berkuasa.

Pihak berkuasa akan mengambil langkah segera, termasuk tindakan undang-undang sekiranya pesakit didapati keluar dari rumah atau melebihi radius yang sudah ditetapkan.

Komander Bersama GKV STF, Brigedier Jeneral Dr Mohd Arshil Moideen, berkata tujuan utama aplikasi itu dibangunkan adalah mengurangkan penularan dalam komuniti yang biasanya terjadi akibat sikap tidak bertanggungjawab pesakit COVID-19.

"Projek pilot (perintis) aplikasi ini akan bermula hari ini dan dalam tempoh 11 hari ia akan berfungsi sepenuhnya lengkap dengan notifikasi dan 'tracking' pesakit.

"Ia akan menjadi aplikasi yang diwajibkan terhadap mereka yang berada dalam kategori 1 dan 2 yang kuarantin di rumah," katanya ketika memberi taklimat di Pusat Kuarantin

dan Rawatan COVID-19 (PKRC) Bersepadu 2.0 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) Serdang, kelmarin.

Yang turut hadir Komander Bersama Joint Task Force, Datuk Dr Mohamed Alwi Abdul Rahman, yang juga Ketua Jabatan Kecemasan Hospital Selayang.

Dr Mohd Arshil menjelaskan, aplikasi 'geofencing' yang belum mempunyai nama ini adalah berbeza dengan aplikasi MySejahtera kerana ia mempunyai fungsi dan tujuan berbeza.

"Sudah tentu kita ada menjangka maklum balas negatif antaranya mengapa mahukan aplikasi lain, selain MySejahtera. Kita tidak mahu kacau MySejahtera kerana alamat di MySejahtera ada kalanya bukan di lokasi anda melakukan kuarantin.

"Anda mungkin meletakkan alamat rumah ibu bapa anda di MySejahtera, tetapi bila dijangkiti COVID-19, anda kuarantin di lokasi lain," katanya.

GKV STF memutuskan penggunaan aplikasi ini juga untuk memudahkan pemantauan dan tindakan pihak berkuasa sekiranya ada pihak yang keluar dari kawasan kuarantin.

"Ketika Perintah Kawalan Pergerakan 1.0 dahulu, kita ada pihak polis yang akan memeriksa setiap pesakit yang kuarantin di rumah, tetapi dalam tempoh jangkitan meningkat ke angka 7,000, 8,000, malah 10,000 di Lembah Klang sahaja, adalah sukar tindakan itu dilakukan dan aplikasi ini mengisi 'gap' (jurang) berkenaan," katanya.

Dr Mohd Arshil berkafa, pihaknya masih mengkaji sejauh mana keberadaan pesakit yang kuarantin untuk keluar rumah.

"Pesakit tidak perlu risau untuk tidak keluar rumah langsung, sekadar untuk buang sampah, pihak berkuasa tidak akan datang ke rumah anda untuk mengambil tindakan," katanya.

Projek pilot (perintis) aplikasi ini akan bermula hari ini dan dalam tempoh 11 hari ia akan berfungsi sepenuhnya lengkap dengan notifikasi dan 'tracking' pesakit



Dr Mohd Arshil Moideen,
Komander Bersama GKV STF

Beliau turut memberi amaran agar tiada pesakit COVID-19 yang sengaja membuang aplikasi itu di dalam telefon atau menutup GPS GPS (global positioning system).

"Kita akan dapat kesan mereka yang berbuat demikian dan pihak berkuasa akan segera datang untuk mengesan anda. Ya, tindakan undang-undang akan diambil, tetapi saya lebih suka 'soft approach' dilaksanakan agar semua pihak mematuhi arahan yang ditetapkan," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : NASIONAL

22,262
kes harian
baharu,
223 kematian

Putrajaya: Penularan COVID-19 di negara ini kekal melebihi 22,000 kes apabila 22,262 jangkitan baharu dilaporkan semalam, sekali gus menjadikan jumlah kumulatif meningkat kepada 1,535,286 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata semua negeri mencatatkan pertambahan kes dengan Selangor terus menjadi negeri terbanyak melaporkan jangkitan baharu sebanyak 7,011 kes.

Sabah pula merekodkan 2,651 kes, Sarawak (1,964), Kedah (1,880), Johor (1,558), Pulau Pinang (1,459), Kuala Lumpur (1,220) dan Kelantan (1,039). Selain itu Perak dengan 946 kes baharu, Melaka (882), Pahang (664), Terengganu (495), Putrajaya (41), Perlis (30) dan Labuan (sembilan).

"Pertambahan kes hari ini (semalam) menjadikan jumlah keseluruhan kes aktif dengan kebolehan jangkitan ialah 260,880 kes, iaitu 1,035 kes sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 513 kes masih memerlukan alat bantuan pernafasan," katanya dalam satu kenyataan.

Mengulas mengenai kes baharu yang dikesan semalam, Dr Noor Hisham berkata, sejumlah 21,793 kes atau 97.9 peratus berada dalam kategori satu dan dua, iaitu tidak mempunyai gejala dan bergejala ringan.

"Sementara 469 kes lagi, iaitu 2.1 peratus berada dalam kategori tiga hingga lima iaitu ada radang paru-paru memerlukan bantuan oksigen serta kritikal.

"Secara keseluruhan, 18,374 kes (82.5 peratus) daripada jumlah kes yang dilaporkan hari ini (semalam) tiada atau tidak lengkap vaksinasi," katanya.

Mengenai 223 kes kematian yang dilaporkan, Dr Noor Hisham berkata, terdapat 35 kes BID, iaitu kematian di luar fasiliti kesihatan membabitkan 28 warganegara dan tujuh warga asing. Ia menjadikan jumlah keseluruhan angka korban di negara ini ialah 13,936 kes.

Sebanyak 77 kes kematian dilaporkan di Selangor, Sabah (27), Kedah (23), Pulau Pinang (20), masing-masing 18 kes di Kuala Lumpur dan Melaka, Johor (14), Negeri Sembilan (11) dan Perak (tujuh). Lima kes kematian dilaporkan di Pahang, Sarawak (dua) dan Putrajaya (satu).

Dalam pada itu, mengulas mengenai 32 kluster baharu, Dr Noor Hisham memaklumkan ia membabitkan 18 kluster tempat kerja, komuniti (13) dan keagamaan (satu). Semua kluster ini sudah menjangkiti 1,211 individu.

Penularan COVID-19

Varian Delta biak dalam hidung individu divaksin

Kajian dapati virus boleh tersebar, jangkiti orang lain

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kajian baharu mengenai varian membimbangkan (VOC) Delta, mendapati varian dominan berkenaan boleh membiak dalam hidung individu yang sudah mendapat vaksin, sama seperti individu yang tidak divaksinasi.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kajian awal terhadap

satu kes jangkitan mendapati, varian Delta itu membiak di hidung orang yang sudah divaksinasi seolah-olah individu berkenaan belum mendapatkan vaksin.

"Virus yang membiak itu sama penularannya kepada orang yang tidak divaksinasi. Ini bermaksud

individu yang sudah divaksin tetap dapat menyebarkan virus berkenaan serta menjangkiti orang lain," katanya menerusi Facebook, semalam.

Sebelum ini beberapa kajian yang dijalankan di hospital di India, Provincetown, Massachusetts

dan Finland juga turut mendapati selepas penularan varian Delta, terdapat banyak virus dikesan di dalam hidung seseorang individu itu sama ada mereka diberi vaksin atau tidak.

Dr Noor Hisham sebelum ini dilaporkan berkata, varian Delta boleh merebak dalam masa lima hingga 15 saat dan jangkitan melalu udara.

Tempoh itu ternyata singkat jika dibandingkan dengan kes positif COVID-19 sebelum ini, iaitu individu yang terdedah boleh menjangkitkan virus berkenaan dalam jangka masa kurang daripada 15 minit dengan jarak satu meter.

Varian Delta pada asalnya digelar sebagai B.1.617.2, kali pertama dikesan di Maharashtra, barat India pada Oktober tahun lalu.

Kajian awal terhadap satu kes jangkitan mendapati, varian Delta itu membiak di hidung orang yang sudah divaksinasi seolah-olah individu berkenaan belum mendapatkan vaksin



Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan

Majoriti kes BID tak sedar dijangkiti

Kuala Lumpur: Hanya kira-kira 30 peratus mangsa COVID-19 'brought in death' (BID) atau kematian di luar fasiliti kesihatan mengetahui mereka dijangkiti wabak itu, manakala selebihnya tidak menyedari dijangkiti kerana tidak menunjukkan sebarang gejala.

Komander Bersama Pasukan Bertindak Khas Greater Klang Valley (GKV STF), Brigedier Jeneral Dr Mohd Arshil Moideen, berkata ketika ini kes BID masih tinggi, walaupun terdapat trend penurunan.

Lebih membimbangkan, kes BID membabitkan mereka yang berusia lebih 60 tahun serta golongan muda yang mempunyai komorbiditi dengan penyakit tertentu.

"Status BID seminggu lalu masih tinggi, tetapi ada trend penurunan, namun kebanyakan mangsa tidak menunjukkan simptom, bermakna mereka tidak tahu dijangkiti COVID-19.

"Ini adalah masalah utama kita kerana kurang 30 peratus tahu mereka dijangkiti, majoritinya tidak tahu. Kita berdepan banyak kes yang tidak mempunyai simptom ketara, tetapi tiba-tiba meninggal dunia.

"Dalam temu bual dengan waris mereka mengatakan mangsa tiba-tiba 'tumbang' di rumah,"



Kes BID dilaporkan meningkat dalam tempoh beberapa minggu lalu.

(Foto hiasan)

katanya ketika memberi taklimat di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) Bersepadu 2.0 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) Serdang, kelmarin.

Kes BID dilaporkan meningkat dalam tempoh beberapa minggu lalu dan Kementerian Kesihatan (KKM) menasihatkan orang awam supaya tidak alpa dan terus mematuhi prosedur

operasi standard (SOP) pencegahan COVID-19.

Dr Mohd Arshil berkata, GKV STF kini mempunyai data kawasan BID yang lebih tinggi di sekitar Lembah Klang dan akan menumpukan strategi tertentu di lokasi berkenaan.

"Kita akan memfokuskan perkara ini melalui strategi tertentu. Kita mempunyai sistem untuk menghadapi BID ini dan

ia berjalan di Selangor dan Kuala Lumpur, pada akhir minggu ini," katanya.

Kelmarin sebanyak 233 kes kematian akibat jangkitan COVID-19 direkodkan yang mana 60 adalah BID membabitkan 44 warganegara dan 16 bukan warganegara. Sehari sebelumnya 35 kes BID membabitkan 26 warganegara dan 9 bukan warganegara.

Terkini COVID-19 18,576

Pulih, dibenar keluar hospital, semalam

22,262

Kes baharu disahkan, semalam

13,936

Jumlah kematian dicatat

1,535,286

Jumlah kes disahkan positif

260,880

kes yang masih dirawat

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 18

RUANGAN : NASIONAL



Sejumlah 80 mesin 'Oxygen Concentrator' dipulangkan kepada PKRC MAEPS 2.0 susulan penurunan pesakit COVID-19 di Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang. (Foto FB HTAR)

HTAR pulangkan 80 mesin oksigen

Klang: Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) di sini, memulangkan semula 80 unit mesin *oxygen concentrator* yang dipinjamkan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) 2.0.

HTAR dalam kenyataan di Facebook kelmari, memaklumkan keputusan memulangkan semula peralatan perubatan itu selepas jumlah kemasukan pesakit COVID-19 di hospital terbabit semakin berkurangan.

"Jutaan terima kasih kepada pihak PKRC MAEPS 2.0, khusus Pengarahnya, Dr Shahabuddin Ibrahim atas pinjaman 80 unit mesin *oxygen concentrator* kepada HTAR sepanjang tempoh 'disaster' (musibah).

"Bahagian Logistik Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sudah menerima dan akan menyusun semula keperluan peralatan terbabit untuk diguna-

kan di negeri lain yang mengalami peningkatan kemasukan pesakit secara mendadak.

"Segala sumbangan dan sokongan daripada pihak luar kepada HTAR amat dihargai dan diucapkan jutaan terima kasih," kata kenyataan itu.

Pengarah HTAR, Dr Zulkarnain Mohd Rawi pada Selasa lalu dilaporkan, berkata kemasukan harian pesakit COVID-19 untuk menerima rawatan di hospital berkenaan berkurangan lebih 50 peratus sejak minggu lalu.

Beliau berkata, pihaknya sebelum ini menerima kira-kira 400 kes harian bagi pesakit COVID-19 untuk menerima rawatan, namun jumlahnya menurun kepada sekitar 170 pesakit sejak kebelakangan ini.

"Pesakit COVID-19 yang kini menerima rawatan di hospital berkurangan daripada lebih 1,000 pesakit dengan kemuncaknya pada Julai lalu," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEGARA

Prinsip keadilan tangani wabak

IPOH – Pandemi Covid-19 yang sedang dihadapi harus menginsafkan pemimpin yang telah diamanahkan untuk melakukan penetapan semula perkara-perkara utama dalam urusan tabir negara berteraskan prinsip keadilan.

Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bertitah, prinsip keadilan itu ialah meletakkan sesuatu pada tempatnya dan menyerahkan amanah kepada mereka yang pakar dalam bidangnya.

Baginda bertitah, ahli falsafah Islam, Ibnu Khaldun dalam karyanya, *Mukadimah* yang dihasilkan kira-kira 800 tahun lalu, memberikan peringatan bahawa sesebuah tamadun akan runtuh apabila pemerintah gagal melaksanakan keadilan.

"Pada zaman silam, ulama mentafsirkan, apabila sesuatu bencana diturunkan, menanda-

kan kemurkaan Ilahi terhadap perbuatan dosa dan kezaliman manusia.

"Oleh itu, di samping usaha begitu gigih yang diterokai untuk mencari formula mengatasi wabak, manusia wajib meneguhkan iman, menerima sesuatu bencana sebagai qadar yang telah ditentukan Ilahi, dan berusaha mencari rahsia yang terkandung di sebalik bencana yang diturunkan," titah baginda.

Baginda yang juga Canselor Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) bertitah demikian ketika menyempurnakan Istiadat Konvokesyen ke-13 USAS yang berlangsung secara maya semalam.

Teks titah perasmian itu dibacakan oleh Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja yang juga Pro-Canselor USAS, Tan Sri Dr. Mohd Zahidi Zainuddin.

Baginda bertitah, Ibnu Khaldun mengaitkan bencana dengan



SULTAN NAZRIN

perubahan sosial yang membentukkan lima fasa, iaitu fasa pertama apabila suatu kaum bersandarkan semangat asabiyah bergerak membentuk identiti politik.

Fasa kedua, bermulanya perluasan kuasa, pengaruh dan wilayah diikuti fasa ketiga apabila kerajaan melalui zaman kemewahan dan kesenangan hasil

pemerintah sebelumnya.

Manakala, fasa keempat ialah kelalaian dan berpuas hati dengan pencapaian diikuti fasa kelima iaitu kejatuhan dan kehancuran sesebuah identiti politik serta kerajaan.

Titah baginda, Ibnu Khaldun memberi peringatan bahawa lima fasa tersebut akan berulang dengan setiap tamadun dan setiap identiti politik akan menghadapinya dalam kitaran sejarah.

Majlis konvokesyen itu menyaksikan seramai 1,292 graduan terlibat dengan 757 adalah lulusan Fakulti Pengajian Islam dan 536 orang Fakulti Pengurusan dan Teknologi Maklumat.

Perisytiharan penganugerahan dibuat oleh Naib Canselor USAS, Tan Sri Prof. Dr. Nordin Kardi merangkumi dua penerima ijazah Doktor Falsafah, Sarjana (S9), Sarjana Muda (288) dan Diploma (943).



PETUGAS barisan hadapan HTAR, Klang bergambar bersama 80 mesin oksigen yang dipulangkan semula kepada PKRC MAEPS.

HTAR pulangkan 80 mesin oksigen kepada PKRC MAEPS

KLANG – Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), di sini memulangkan semula 80 unit mesin *oxygen concentrator* kepada Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC) MAEPS 2.0.

HTAR berkata, tindakan itu susulan jumlah pesakit Covid-19 semakin berkurangan di hospital tersebut ketika ini.

Katanya, HTAR turut menzahirkan penghargaan kepada Pengarah PKRC, Dr. Shahabuddin Ibrahim yang meminjamkan

mesin itu sepanjang menghadapi tempoh bencana sebelum ini.

"Pihak HTAR memutuskan untuk memulangkan semula peralatan tersebut memandangkan jumlah pesakit Covid-19 di hospital ini semakin menurun.

"Segala sumbangan dan sokongan daripada pihak luar ke HTAR amatlah dihargai dan diucapkan jutaan terima kasih," katanya dalam hantaran di Facebook rasminya semalam.

Mengulas lanjut, HTAR menjelaskan Bahagian Logistik Ang-

katan Tentera Malaysia (ATM) telah menerima dan akan menyusun semula keperluan peralatan berkenaan untuk digunakan di negeri-negeri lain yang mengalami peningkatan kemasukan pesakit secara mendadak.

Kosmo! pada 18 Ogos lalu melaporkan kemasukan harian pesakit Covid-19 ke HTAR menurun lebih 50 peratus.

Statistik menunjukkan jumlah kes diterima HTAR berkurangan sehingga 170 kes berbanding 400 kes sebelum ini.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

Kematian hampir angka 14,000, manakala 22,262 kes baharu dicatatkan

Vaksin bukan 'lesen' bergerak bebas

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA - Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah mengingatkan individu yang sudah lengkap vaksinasi supaya tidak menyalahgunakan hak istimewa atau kelonggaran sekatan yang diberikan kerajaan.

Beliau berkata, sekiranya masyarakat leka, segala kerja keras dan keuntungan yang dicapai ketika ini akan disia-siakan.

Ujar beliau, jika rakyat tidak memanfaatkan kelonggaran yang diberi, berkemungkinan negara ini akan menghadapi satu lagi 'pertempuran' dengan Covid-19.

"Kita perlu ingat masih ada sebahagian daripada populasi di negara ini belum divaksin. Mereka ini mudah terkena jangkitan Covid-19.

"Kita perlu memastikan kadar transmisi serendah mungkin bagi mencegah penyebaran varian atau munculnya varian baharu," katanya menerusi hantaran di Facebook beliau semalam.

Ujarnya, bagi individu yang sudah menerima vaksin lengkap, perlu ada disiplin yang tinggi untuk tidak menyalahgunakan hak istimewa yang diberikan.



ORANG ramai yang telah lengkap vaksinasi dinasihatkan mengurangkan pergerakan dan kekal patuh kepada SOP ditetapkan kerajaan. - GAMBAR HIASAN

"Sekiranya anda disahkan positif Covid-19 atau menjadi kontak rapat kepada kes positif, pastikan menjalani pengasingan atau kuarantin dalam kadar segera supaya tidak mendedahkan orang lain kepada risiko jangkitan.

"Insya-Allah kita berusaha dan tawakal. Allah SWT Maha

Penyayang dan melindungi kita," katanya.

Dalam perkembangan berbeza, kes kematian akibat Covid-19 kini menghampiri angka 14,000 kes selepas 233 lagi pesakit dilaporkan meninggal dunia semalam.

Katanya, terdapat 233 kematian dilaporkan semalam selain

1,062 pesakit masih menerima rawatan di unit rawatan rapi termasuk 518 memerlukan bantuan pernafasan.

"Sebanyak 22,262 kes baharu dilaporkan semalam menjadikan jumlah kes positif Covid-19 sebanyak 1,535,286 kes.

"Selangor merekodkan 7,011

COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
Kes baharu	22,262
Import	40
Tempatan	22,222
Pulih	18,576
Kematian	233
Masih dirawat	260,880
Jumlah kes sembuh	1,260,470
Jumlah Kematian	13,936
Jumlah kes keseluruhan	1,535,286

kes, diikuti Sabah (2,651 kes) dan Sarawak (1,964 kes)," katanya.

Negeri-negeri yang mencatatkan kes empat angka adalah Kedah (1,880 kes), Johor (1,558 kes), Pulau Pinang (1,459 kes), Kuala Lumpur (1,220 kes) dan Kelantan (1,039 kes).

Selain itu, terdapat 38 kluster baharu dikesan dengan 22 daripadanya adalah kluster tempat kerja.

21 petugas HSA positif Covid-19

JOHOR BAHRU - Satu kluster berkaitan Covid-19 dikesan di Jabatan Kecemasan dan Trauma, Hospital Sultanah Aminah (HSA) Johor Bahru, di sini membabitkan seramai 21 petugas kesihatan.

Pengarah HSA Johor Bahru, Dr. Mohhtar Pungut @ Ahmad berkata, Kluster Jalan Persebaran Abu Bakar Sultan itu dikesan hasil aktiviti saringan termasuk pengesanan kontak dijalankan susulan daripada pengumuman yang dibuat Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah kelmarin.

Katanya, pengurusan HSA Johor Bahru telah bertindak segera untuk mengawal serta mengekang penularan jangkitan di fasiliti tersebut.

"Langkah-langkah kawalan tersebut adalah merangkumi mengenal pasti kontak rapat di tempat kerja, rumah dan sosial serta melakukan saringan calitan tekak terhadap kontak rapat di tempat kerja, rumah termasuk sosial.

"Langkah susulan yang di-



SERAMAI 21 kakitangan kesihatan HSA Johor Bahru dilaporkan telah dijangkiti Covid-19. - GAMBAR HIASAN

ambil juga melibatkan tindakan merawat, pemantauan dan kuarantin dijalankan mengikut kategori pesakit dan kontak.

"Kerja-kerja sanitasi dan nyahkuman juga telah dilakukan di semua lokasi yang terlibat dan pengoperasian Jabatan Kecemasan dan Trauma tidak terjejas dan beroperasi seperti biasa," kata-

nya dalam kenyataan semalam. Tambah beliau, Unit Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan Persekitaran akan memantau tahap kesihatan semua petugas terlibat termasuk amalan kawalan infeksi diperketatkan dan dipantau oleh Unit Kawalan Infeksi dalam kalangan kakitangan dan petugas kesihatan.

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 12
 RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Tiga hari berturut-turut catat lebih 22,000 kes

22,262 kes baharu melibatkan 223 kematian

Oleh NURHIDAYAH HAIROM

SHAH ALAM

Negara merekodkan sebanyak 22,262 lagi kes baharu Covid-19 pada Sabtu menjadikan jumlah keseluruhan setakat ini kepada 1,535,286 kes.

Selangor merekodkan kes tertinggi sebanyak 7,011 kes diikuti Sabah (2,651), Sarawak (1,964), Kedah (1,880), Johor (1,558), Pulau Pinang (1,459), Kuala Lumpur (1,220) dan Kelantan (1,039).

Selain itu, negeri lain mencatatkan angka kes di bawah 1,000 iaitu Perak (946), Melaka (882), Pahang (664), Terengganu (495), Negeri Sembilan (405), Putrajaya (41), Perlis (38), dan Labuan (9).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada 22,262 kes harian yang dilaporkan, sebanyak 469 kes (2.1 peratus) adalah daripada kategori 3, 4 dan 5 manakala sebanyak 21,793 kes (97.9 peratus) lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

"Secara keseluruhan, 18,374 kes (82.5 peratus) daripada jumlah kes yang dilaporkan pada Sabtu tiada atau tidak lengkap vaksinasi," kata-

nya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 223 kes kematian akibat jangkitan Covid-19 turut direkodkan menjadikan kumulatif kes sebanyak 13,936.

Sementara itu, Dr Noor Hisham mengingatkan individu yang telah melengkapkan dua dos vaksin supaya tidak menyalahgunakan hak istimewa atau kelonggaran sekatan yang diberikan oleh kerajaan.

Menurutnya, sekiranya masyarakat laka, segala kerja keras dan keuntungan yang dicapai akan sia-sia serta berkemungkinan menyebabkan negara menghadapi satu lagi 'perTEMPURAN' dengan virus Covid-19.

"Kita perlu ingat masih ada sebahagian daripada populasi di negara ini belum divaksin. Mereka ini mudah terkena jangkitan Covid-19. Kita perlu memastikan kadar transmisi serendah mungkin bagi mencegah penyebaran varian atau munculnya varian baharu," katanya.

Selain itu, beliau mengingatkan individu yang disahkan positif Covid-19 atau menjadi kontak rapat kepada kes positif supaya segera menjalani pengasingan atau kuarantin agar tidak mendedahkan orang lain terhadap risiko jangkitan.

Dalam pada itu, dalam hantaran



DR NOOR HISHAM

di laman Facebooknya, Dr Noor Hisham berkata, varian Delta Covid-19 boleh membiak di dalam hidung orang yang telah divaksin sama seperti keadaan mereka yang tidak divaksin langsung, menurut kajian awal dalam kes jangkitan selepas divaksin.

Ujarnya, kajian sebelum ini di India; Provincetown, Massachusetts, Amerika Syarikat dan Finland menunjukkan jangkitan varian Delta selepas divaksin memungkinkan paras kewujudan virus yang tinggi di dalam hidung manusia sama ada mereka divaksin atau tidak.

"Virus yang membesar itu boleh berjangkit sebagaimana mereka yang tidak divaksin, bermakna mereka yang sudah divaksin boleh merebakkan virus ini dan menjangkiti yang lain," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, biarpun kemungkinan jangkitan kepada mereka selepas divaksin boleh menjangkiti yang lain, individu yang sudah divaksin masih lagi terlindung daripada jangkitan dan bahaya kematian.

"Tambah pula ia mengurangkan kemasukan ke hospital dan penggunaan katil unit rawatan rapi. Oleh itu, tolong dapatkan suntikan vaksin," katanya.

Kapasiti penuh kenderaan bagi individu lengkap vaksin - MKN

KUALA LUMPUR - Jumlah penumpang di dalam kenderaan bagi mereka yang telah lengkap dua dos vaksin kini dibenarkan mengikut kapasiti tempat duduk kenderaan di negeri-negeri Fasa Satu Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Kebenaran yang berkuat kuasa mulai Jumaat itu dikongsi Majlis Keselamatan Negara (MKN) melalui aplikasi Telegram mengenai 'PPN - prosedur operasi standard (SOP) Fasa 1'.

Pergerakan rentas daerah dan negeri bagaimanapun masih tidak dibenarkan kecuali bagi pasangan jarak jauh, melawat anak bawah 18 tahun dan individu yang diluluskan pergerakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta polis.

Bagi mereka yang belum mendapat dos vaksin lengkap, SOP yang dikenakan tidak berubah iaitu hanya dua wakil isi rumah dibenarkan keluar untuk mendapatkan keperluan asas dan maksimum tiga orang termasuk pesakit dibenarkan untuk mendapatkan perkhidmatan jagaan kesihatan, perubatan, ujian saringan, program vaksinasi, keselamatan atau kecemasan.


Menurut MKN, bilangan penumpang dalam teksi dan kenderaan e-hailing dihadkan kepada dua orang termasuk pemandu dan penumpang harus duduk di bahagian belakang.

Bagi kenderaan yang membawa barangan serta rantaian aktiviti ekonomi atau industri (kecuali pengangkutan pekerja), kapasitinya bergantung kepada lesen pendaftaran kenderaan dan bagi kenderaan jabatan atau kereta rasmi jabatan, bilangan orang yang dibenarkan adalah berdasarkan kapasiti kenderaan. - Bernama

MEMENPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA


KES BAHARU MENGIKUT KATEGORI



Kategori 1 Tanpa gejala
Kategori 2 Gejala ringan
Kategori 3 Jangkitan paru-paru
Kategori 4 Jangkitan paru-paru memerlukan oksigen
Kategori 5 Aci jangkitan paru-paru dan memerlukan alat bantuan pernafasan

Sumber: CPKC Kebangsaan & Kementerian Kesihatan Malaysia

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



* Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 21 Ogos 2021

JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN	PULIH	ICU	KEMATIAN	KES BAHARU	SUDAH DIVAKSIN
1,535,286	1,260,470	1,035	13,936	22,262	30,370,403

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NEWS/NATION

FIGHT AGAINST PANDEMIC

FEWER HOSPITALISATIONS DUE TO INCREASED VACCINATIONS

Health D-G says number of daily admissions dropped when 50pc of citizens got 1st dose of Covid-19 vaccine

THARANYA ARUMUGAM
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE Covid-19 hospitalisation rates and the number of patients on ventilators have reduced in the Klang Valley following a boost in vaccination, said the Health Ministry.

Although the increase in vaccination may not see a decline in the number of cases, a reduction in the number of severe cases is starting to show.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the number of daily hospital admissions of patients in the Klang Valley had started to show a drop after the percentage of the total population who received one dose of the Covid-19 vaccine reached above 50 per cent.

The number of patients in Intensive Care Units (ICUs) he said had yet to drop as patients who were severely ill spent an average of two to three weeks in ICUs before they either succumb to or recover from the disease.

However, he said the number of patients on ventilators started to decline in the Klang Valley.

The government had earlier said 73.8 per cent of the area had completed their vaccination.



The Emergency Department at Kuala Lumpur Hospital is nearly empty last Sunday.
PIC BY ASWADI ALIAS

On the cumulative number of deaths reported on Friday, Dr Noor Hisham said the 173 of the 233 patients were in categories four and five, while the remaining 60 were brought-in-dead cases.

"Patients who die in hospitals go through categories four and five before succumbing to the disease," he told the *New Sunday Times*.

Category one patients are asymptomatic, while those in category two display mild symptoms. Category three patients suffer from pneumonia and lung infection (which require treatment and observation at hospitals). Category four are patients with lung infections and require oxygen supply (and spend on average of 14 days in the ICU).

Those in category five are critical patients who need ventilator support and spend an average of 21 days in the ICU.

Dr Noor Hisham said the number and percentage of cases in categories one to five reported daily referred to the segment stated upon registration of the case.

He said the cases might not stay in the same category throughout the course of the illness and could deteriorate or improve along the way.

"But we have mechanisms in place to monitor these cases. In the Klang Valley, symptomatic cases and those with comorbidities are assessed in our Covid-19 Assessment Centres (CACs).

"Categories one and two cases are monitored at home through our virtual CAC. If there is any deterioration in their condition, they are advised to seek treatment at the CAC or hospital."

On the recent spike in cases with Malaysia logging over 20,000 cases daily, Dr Noor Hisham said the virus was already in the community.

He said that while vaccination could reduce the rate of transmission, it did not completely eliminate transmission, especially if other public health measures, such as isolation and quarantine, were not adhered to.

But vaccination, he said worked well to protect people from severe symptoms that lead to hospitalisation and death.

"With the easing of restrictions, he hoped that Malaysians would continue to practise preventive measures, such as wear face masks, practise good hand hygiene and avoid closed, crowded and confined spaces.

"If you are a positive case or close contact, undergo isolation or quarantine immediately so that you do not expose others to the risk of infection.

"There is a proportion of our population who are not yet vaccinated and thus, are susceptible to infection."

'More cases of diarrhoea, nausea as first symptoms'

From Page 8

yond in the Greater Klang Valley area.

"(The situation) is stable in the Greater Klang Valley area. Things look the same as before," he said.

Associate Professor Dr Tan Toh Leong, who treats seriously ill Covid-19 patients at Canselor Tunku Muhriz Hospital, said doctors were now seeing more cases of Covid-19 with diarrhoea and nausea as its first symptoms.

Tan said previously, the first few symptoms of the disease were fever and cough.

This shift was among the factors that led to an increase in transmission and the higher rate of BID cases among asymptomatic or mildly symptomatic patients, he said.

The UKM clinical consultant in emergency medicine said besides the less typical symptoms, the surge in BID could be related to silent hypoxia and a spike in asymptomatic infections, a trend that hospitals have flagged for some time now.

He said the new variants were more contagious, reportedly spreading faster than previous strains and transmissible within seconds in closed rooms.

Dr Tan said the onslaught of cases versus the limited tracing and testing services meant that a sizeable number of cases were slipping under the radar.

"We don't know how severe the new mutations are, but the death rate has risen 0.2 per cent compared with two weeks ago, coinciding with the period we breached 20,000 cases.

"On Monday, the fatality rate was 0.9 per cent, so the death and BID rates have also risen with the surge as a result."

Additional reporting by Farah Solhi

'Only 30pc of brought-in-dead cases knew they had Covid-19'

KUALA LUMPUR: Only about 30 per cent of Covid-19 "brought-in-dead" (BID) cases knew they were infected with the virus, while the rest failed to detect the infection, most likely because they showed no symptoms.

Greater Klang Valley Special Task Force (GKV STF) Joint Commander Brigadier-General Dr Mohd Arshil Moideen said there

was a high number of BID cases although there has been a downward trend.

More worrying, he said, were the cases involving the elderly over 60 years old as well as young people with comorbidities.

"There were a high number of BID cases last week, but there was a downward trend although most of the victims were not visible in

the system, meaning they did not know they were infected with Covid-19.

"This is our main problem in managing the cases because only about 30 per cent know they are infected.

"We face many patients that have no noticeable symptoms, but they succumb to the virus suddenly.

"When interviewing their next of kin, they said the victims suddenly collapsed at home," he said at the Covid-19 Integrated Quarantine and Treatment Centre 2.0 at Malaysia Agro Expo Park Serdang yesterday.

He said the GKV STF had a higher BID area data around the Klang Valley and would focus on implementing specific strategies

in the location.

"We will focus on this area through specific strategies, including the involvement of community leaders who need to be more vigilant with the current situation.

"We have a system to deal with the BID cases. It is running in Selangor and Kuala Lumpur," he said.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : NEWS / NATION

+ SLIGHT DROP

4TH STRAIGHT DAY OF CASES EXCEEDING 20,000

Selangor continues to record the most cases

THARANYA ARUMUGAM
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

A TOTAL of 22,262 Covid-19 infections were recorded yesterday, with Selangor continuing to log the highest number of cases in the country.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said this raised the cumulative cases to 1,535,286, with 260,880 active cases.

This is the fourth consecutive day Malaysia had registered more than 20,000 cases and yesterday's cases were a slight drop from the record 23,564 cases reported on Friday.

Dr Noor Hisham said Selangor recorded the bulk of cases at 7,011, followed by 2,651 in Sabah, 1,964 in Sarawak and 1,880 in Kedah.

"Johor logged 1,558 cases, Penang had 1,459 cases, while Kuala Lumpur reported 1,220 cases and Kelantan recorded 1,039 cases.

"States that logged three-digit cases are Perak (946), Melaka (882), Pahang (664), Terengganu (495) and Negri Sembilan (405).

"Putrajaya and Perlis logged 41 and 38 cases, respectively, while Labuan recorded nine infections."

He said the majority of cases reported were from Categories 1 and 2, and patients who showed no or mild symptoms.

"A total of 469 cases (2.1 per cent) were from Categories 3, 4 and 5, while another 21,793 cases (97.9 per cent) were from Categories 1 and 2.

"This is based on the clinical condition of the new cases. Some of the cases remained in the same category throughout the infection period.

"However, the condition of some patients would improve or decline."

He said 18,374 cases (85.13 per cent) of the new cases had no Covid-19 vaccination or had yet

to complete their doses.

He said 223 deaths were reported yesterday, involving 199 Malaysians and 24 foreigners.

This, he said, raised the death toll to 13,936, or 0.91 per cent, of the total number of cases.

The fatalities included 35 brought-in-dead cases (28 Malaysians and seven foreigners), with Selangor recording 77 cases.

He said 1,035 patients were in intensive care units, with 513 people intubated.

He said there were 18,576 patients who had recovered yesterday, increasing the number of recoveries to 1,260,470, or 82.1 per cent.

He said Malaysia's R-naught (Rt) value stood at 1.04, with Perlis recording the highest Rt value at 1.38.

He added that the ministry had detected 32 new clusters.

Eighteen were workplace clusters, 13 were community clusters and one a religious cluster.

Malaysia has recorded 4,418 clusters with 1,435 active clusters and 2,983 clusters that have ended.

NEW STUDY

'Delta variant can grow in vaccinated people's noses'

KUALA LUMPUR: A new study has found that the dominant Delta variant can grow in the noses of vaccinated people as strongly as in unvaccinated people.

This was revealed in a preliminary study titled "Shedding of Infectious SARS-CoV-2 Despite Vaccination when the Delta Variant is Prevalent — Wisconsin, July 2021" published on *medRxiv*.

medRxiv is for the distribution of preprints — complete but unpublished manuscripts — that describe human health research conducted, analysed and interpreted according to scientific principles. The paper found that in the case of a breakthrough infection, the Delta variant can grow in the noses of vaccinated people to the same degree as if they were not vaccinated at all.

It noted that the virus that grew was just as infectious as that in unvaccinated people, meaning vaccinated people can transmit the virus and infect others.

Commenting on the study, Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said

despite the possibility of breakthrough infections and ability to infect others, inevitably, vaccinated people were still protected against severe infection and fatality, plus reduced hospital admission.

"Please get vaccinated," he posted on Facebook.

An Aug 13 article published on *nationalgeographic.com* said previous studies in hospitals in India; Provincetown, Massachusetts in the United States; and Finland had also shown that after vaccine breakthrough infections with Delta, there could be high levels of virus in people's noses whether they were vaccinated or not. The article said that if the Wisconsin's study's findings held up, then people with breakthrough infections — many of whom did not develop Covid-19 symptoms — could unknowingly spread the virus.

"It is an alarming finding," Katarina Grande, a public health supervisor and the Covid-19 data team lead of Madison and Dane County, who led the study, was quoted as saying.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NATION

Some Klang Valley PPV to wind down

By ALLISON LAI
allison@thestar.com.my

PETALING JAYA: A number of vaccination centres (PPV) in the Klang Valley will gradually close starting tomorrow as a large proportion of the residents have been fully vaccinated following the launch of Operation Surge Capacity.

Malaysia International Trade and Exhibition Centre (Mitec) acting chief executive officer Mala Dorasamy confirmed that today is the last day of operation for the convention centre to vaccinate the final batch of some 8,000 recipients.

"Mitec was specifically for walk-ins, those over 60, second-dose recipients and people with disabilities.

"From Sunday onwards, most people would have received their second dose. Those who need to have their jobs after that will be redirected to clinics.

"Since many people here have been vaccinated, a number of the mega PPV are closing down," she said, adding that Mitec will remain open for the Public-Private Partnership Industrial Covid-19 Immunisation Programme (Pikas) until Aug 31.

It is learnt that other than the Klang Valley, some mega PPV in states with high vaccination rates will also be closed down throughout August and September.

The other mega PPV that are confirmed to be closing down in the Klang Valley include the Setia City Convention Centre, Ideal Convention Centre (IDCC), UiTM Puncak Alam, UiTM Shah Alam,

Operation Surge Capacity deemed a success



Progress: Fewer people arriving at the PPV in KLCC as police and volunteers guide them for inoculations in Kuala Lumpur. — CHAN TAK KONG/The Star

parts of the KL Convention Centre and the Borneo Convention Centre Kuching in Sarawak.

As at Aug 20, 78.8% of adults in the Klang Valley have been fully vaccinated against Covid-19.

A volunteer who only wanted to be known as Sasha, 29, said the PPV at the IDCC where she's stationed at, and Setia City, where her elder sister is a volunteer, are closing down tomorrow.

"The remaining vaccine recipients would be directed to other nearby PPV or clinics. The people should regularly check and update their MySejahtera app for the latest updates," she said.

A call to the Premier Hotel in Klang also confirmed today is the last day, while the rest of the second dose recipients would be redirected and notified.

When contacted, World Trade

Centre KL (WTCKL) executive director Datuk Seri Dr Irmohizam Ibrahim said the PPV at the entire trade centre is not winding down operations yet.

"There are no instructions to wind down operations so far. Until now, we are still giving out the second doses of the AstraZeneca vaccine.

"We are also reaching our one-millionth dose mark on Aug 29," he said, adding that any instructions would come from the Science, Technology and Innovation Ministry.

Being one of the first few mega PPV in the city, he added that WTCKL, which has a proven track record in crowd and traffic control, flow, ventilation, space management and vaccine storage, is ready to become the central vaccination centre for all vaccines later.

Health Ministry secretary-general Datuk Mohd Shafiq Abdullah confirmed that some PPV in Kuala Lumpur and Selangor will be closed as the particular areas have achieved their vaccination targets.

He said each PPV has its designated capacity for vaccination and a PPV will be closed if there is no requirement for these capacities.

"Any closure will be done based on data that looks at the need for vaccines at a certain place and the reality on the ground, as all our actions are evidence-based.

"We want to optimise existing resources while balancing the need to ensure those who have yet to get vaccinated get theirs soon.

"The rationalisation process is dynamic. If all of the population in an area have been vaccinated, then there's no need for more PPV there.

"The resources can then be re-

bilised at other PPV and states," he said when contacted.

Mohd Shafiq added that Health Ministry clinics and private general practitioners (GPs) can assist in ensuring complete vaccination is done.

He said the ministry views the vaccination programme seriously to stop the infections.

"That's why we do not simply close down any PPV hastily without proper study and engagement with stakeholders in the Covid-19 Immunisation Taskforce (CITF) and each state health department," he said.

Mohd Shafiq noted that some other PPV are still operating and their closure will only be finalised based on the latest evidence and observation.

"We cannot make decisions in a vacuum. We must reach a consensus so that everyone is on the same page," he added.

Malaysian Medical Association president Datuk Dr Subramaniam Muniandy called for 8,000 private GPs nationwide to be roped in for the National Covid-19 Immunisation Programme's final lap.

Most people, he said, find it more convenient to go to a private GP for their vaccinations.

"We are puzzled as to why the CITF recently decided to stop vaccination appointments at 741 private GP clinics, several private hospitals and ambulatory care centres in Selangor," he added.

Dr Subramaniam said there are 741 private clinics in the Klang Valley participating in the national vaccination programme.

Send vaccines directly to us, says SAPP chief

KOTA KINABALU: Future shipments of Covid-19 vaccines meant for Sabah should be sent directly here without transiting at Kuala Lumpur to prevent diversion of the supply to other states, says Sabah Progressive Party (SAPP) president Datuk Yong Teck Lee.

His suggestion comes amid Sabah trying to pick up its vaccination pace in view of rising cases.

Referring to the arrival of 200,000 dose of a single-dose Covid-19 vaccine in Malaysia via Kuala Lumpur International Airport (KLIA) on Friday morning, he said:

"The Chief Minister had earlier said in a statement that Sabah had applied for 1.8 million doses of the CanSino vaccine.

"I suggest that the supply be sent directly from Beijing to Kota Kinabalu without having to go through KLIA.

"This is to avoid the possibility of the vaccine being sent elsewhere," Yong said.

As of Aug 20, only 19.8% of the total population in Sabah have been fully vaccinated, the slowest among the states and far below the

New SOP for Phase One states


> TRAVEL



For those who have yet to complete their vaccination, **TWO PEOPLE** from a household may now **TRAVEL OVER 10km** to obtain food, medicine, diet supplements and other necessities



Up to **THREE PEOPLE** including the patients, allowed to **TRAVEL OVER 10km** for healthcare, medicine, screening tests, vaccination, safety or emergency



For those **FULLY VACCINATED**, they can also travel over 10km subject to **VEHICLE CAPACITY**



However, inter-district and interstate travel is still **NOT ALLOWED**



> DINE-IN
Only eating outlets with at least **80% FULLY VACCINATED WORKERS** allowed to operate at **FULL CAPACITY**; **60% VACCINATED** for a **80% CAPACITY** and **40% VACCINATED** at **60% CAPACITY**

TheStar graphics

national rate of 38%.

Yong said the CanSino vaccine would be able to speed up the National Covid-19 Immunisation Programme in Sabah, especially for those living in the interior as well as those who have difficulty

accessing vaccination centres in nearby towns.

The single-dose vaccine will avoid the hassle of having to commute twice to get the job, which was required for two-dose vaccines, he added.

HTAR to return 80 oxygen concentrator devices

SHAHALAM: The Tengku Ampuan Rahimah Hospital in (HTAR) Klang has decided to return 80 units of the oxygen concentrator devices that were loaned by the Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS) Covid-19 Quarantine and Treatment Centre (PKRC).

These machines will be returned following the declining number of Covid-19 patients at the hospital, said HTAR in a Facebook post.

"Thanks to MAEPS PKRC 2.0, especially to its director, Dr Shahabuddin Ibrahim, for lending 80 units of Oxygen Concentrator machines to HTAR during the 'disaster' period," the statement said.

As such, it said the logistics division of the Malaysian Armed Forces would review the need for the equipment for use in other states where there is an increase in patient admissions.

On Wednesday, Bernama reported that the number of daily admissions of Covid-19 patients at HTAR had dropped by more than 50% the past week.

HTAR director Dr Zulkarnain Mohd Ravi said the hospital previously received about 400 cases of Covid-19 patients daily, but the number had decreased to around 170 patients recently. — Bernama

Sarawak to jab teens soon

KUCHING: Sarawak is now finalising preparations to vaccinate adolescents aged 12 to 17 to protect them against the Covid-19 virus, says Deputy Chief Minister Datuk Amar Douglas Uggah Embas.

Uggah, who is also state disaster management committee chairman, said this would be announced when all preparations are in place.

He also appealed to the small group of Sarawakians who have

refused or are still reluctant to be vaccinated, to do so immediately.

"We still have vaccination centres in operation statewide; those concerned should approach their divisional disaster management committee offices," he said yesterday.

Uggah said that as long as these individuals remained unvaccinated, they would endanger themselves and those around them. — Bernama